

UMS buka peluang guna kemudahan penyelidikan

Oleh Thaddius Unnip

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) membuka pintu kampusnya kepada semua pihak, termasuk agensi kerajaan, swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) untuk memanfaatkan kemudahan penyelidikan dan pembangunan yang dimilikinya.

Naib Canselor UMS, Prof Tan Sri Dr Abu Hassan Othman, berkata sebagai sebuah universiti yang giat memajukan program penyelidikan dan pembangunan, pihaknya sentiasa memberi peluang mengadakan kerjasama dengan sesiapa saja bagi melaksanakan sebarang projek.

Katanya, kemudahan dan kepakaran yang dimiliki serta hasil penyelidikan serta pembangunan yang di-

peroleh penting untuk negeri ini, terutama dalam usaha melaksanakan pembangunan berterusan dalam pelbagai sektor.

"Walaupun baru berumur 10 tahun, UMS sudah berjaya merekodkan pelbagai pencapaian dan kejayaan sama ada di peringkat kebangsaan atau antarabangsa dan kita mahu usaha ke arah kecemerlangan universiti ini ditingkatkan lagi," katanya.

Beliau berkata demikian pada pelancaran seminar Sisa Organik: Cabaran dan Peluang anjuran bersama Jawatankuasa Tindakan Alam Sekitar (EAC), UMS, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK), Unit Sains dan Teknologi dan Jabatan Perlindungan Alam Sekitar.

Turut hadir pada majlis itu ialah Pengerusi Penganjur yang juga Pegawai Unit Sains dan Teknologi, Ja-

batan Ketua Menteri, Moktar Yassin Ajam dan Ketua Pengarah DBKK, Dr Chua Kim Hing.

Seminar bertemakan *Make Compost: Not Waste* itu ditaja oleh Shell Malaysia dihadiri kira-kira 200 peserta terdiri daripada wakil NGO, pengusaha ladang organik, kakitangan kerajaan dan swasta serta aktivis alam sekitar dari seluruh negeri.

Dalam hal berkaitan, Dr Abu Hassan berkata UMS juga sedang dalam usaha menghasilkan satu model insinerator yang akan digunakan untuk tujuan pengkomposan sisa buangan.

Katanya, UMS tidak ketinggalan mengendalikan penyelidikan dan pembangunan berkaitan sisa buangan selari komitmennya dalam penjagaan alam sekitar di negeri ini.

Sementara itu, beliau berkata satu langkah berkesan untuk menyedarkan kepentingan mengawal sisa buangan agar tidak mencemarkan perlu diambil bagi memastikan ia tidak menjadi masalah berterusan, khususnya kepada pihak berkuasa tempatan (PBT).

Beliau berkata, antara langkah itu termasuk memperkenalkan asas kitar semula 3R (*reduce, recycle, reuse*) ke dalam sistem pendidikan bermula di peringkat rendah.

"Di sekolah rendah kita ada asas pendidikan iaitu membaca, menulis dan mengira. Jadi kita mencadangkan supaya asas kitar semula 3R juga dapat dimasukkan ke dalam sistem pendidikan untuk melahirkan kesedaran di kalangan orang ramai," katanya.

Sementara itu, Moktar berkata se-

minar berkenaan bertujuan untuk mewujudkan kesedaran mengenai pengkomposan dan pengurusan sisa buangan, dengan tumpuan kepada sisa basah.

Katanya, ia membabitkan penyer-taan PBT, NGO, sektor swasta dan penduduk setempat sebagai ruang untuk bertukar kemahiran dan pengetahuan dengan pembentang kertas kerja dari dalam dan luar negara.

"Kita berharap seminar ini juga dapat mencari inisiatif baru dalam usaha untuk meningkatkan pengurusan sisa buangan dan kita akan bincangkan usaha itu supaya dapat dibangunkan," katanya.

Sebanyak tujuh kertas kerja disampaikan oleh pakar pengurusan sisa buangan dari dalam dan luar negara dibentangkan pada seminar dua hari itu.